

5/6/82 5 JULI 1982

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

RENCANA PENGARANG

Berita Harian

AKHBAR RAKYAT, AKBAR ANDA

SABTU, 5 JUN, 1982

LANGKAH CONTOH BERJIMAT CERMAT

KESEDIAAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam, menerima pemotongan gaji itu seharusnya menyedarkan semua golongan di negara ini kepada keperluan kita mencari dan melaksanakan apa juga jalan untuk mengatasi ancaman kemelesetan ekonomi dunia yang kesannya kian berat dirasakan oleh masyarakat kita. Kemelesetan ekonomi dunia yang berterusan itu secara langsung telah mengurangkan permintaan terhadap barang-barang eksport utama kita. Kejatuhan harga bahan-bahan utama ini bukan sahaja telah membantut pertumbuhan industri-industri berkenaan malah oleh kerana pengeluaran bahan-bahan ini adalah tulang belakang ekonomi negara maka kemerosotan sektor-sektor ini, sebagaimana yang boleh dijangka, telah menurunkan kadar pertumbuhan ekonomi negara. Kerana inilah KNK kita telah turun kepada 6.9 peratus untuk tahun lalu, berbanding

dengan 8.2 peratus untuk tahun sebelumnya.

Bagaimanapun, bukan soal kemelesetan ekonomi sahaja yang merunsingkan kita. Kadar inflasi yang terus tinggi di negara-negara maju (dianggarkan pada kira-kira 10 peratus untuk tahun 1981) telah juga mempengaruhi kadar inflasi negara kita. Indeks Harga Pengguna untuk tahun lalu (1981) telah meningkat sebanyak 10 peratus berbanding dengan hanya 6.5 peratus untuk tahun sebelumnya. Memandangkan saling-pergantungan yang semakin kuat antara ekonomi kita dengan ekonomi dunia pengimportan inflasi ini adalah sesuatu yang tidak dapat dilelak.

Di samping itu kenaikan kadar import yang pesat dan kemerosotan harga barang-barang keluaran utama kita telah melahirkan suatu lagi masalah ekonomi yang tidak kurang pula rumitnya — kekurangan dagangan. Jika pada tahun 1980 negara masih mem-

punyai lebih dagangan sebanyak \$500 juta, pada tahun lalu kita telah mengalami kekurangan dagangan yang berjumlah lebih \$5,300 juta. Hakikat bahawa kekurangan dagangan yang demikian akan menjejaskan kedudukan dan pertumbuhan ekonomi negara adalah terlalu mudah untuk diperjelas. Oleh kerana ancaman masalah-masalah kemelesetan, inflasi dan imbalan dagangan negatif ini adalah serius maka langkah-langkah tegas amatlah diperlukan. Berjimat-cermat, mengelakkan pembaziran dan menggalakkan pelaburan adalah amalan yang amat wajar untuk mengatasi keadaan ini. Langkah pemotongan gaji 2M di atas itu jika difahami maksud sebenarnya dan diamalkan pula oleh rakyat di semua lapisan tidak mustahil membantu menstabil dan memajukan ekonomi kita. Lebih-lebih lagi jika langkah ini dituruti pula dengan amalan penabungan dan pelaburan yang berfaedah.